

AMALI

[100 markah]

Arahan :

Calon dikehendaki melaksanakan aktiviti seperti di bawah dengan baik sebagai bukti keterampilan :

Soalan 1

AirAsia (digayakan sebagai airasia) ialah syarikat penerbangan tambang rendah terkemuka dari Malaysia. Ia mencatat sejarah sebagai syarikat penerbangan tambang rendah pertama di Asia. Kumpulan AirAsia mengendalikan penerbangan domestik dan antarabangsa ke lebih daripada 400 destinasi di 25 buah negara. Hab utama operasinya terletak di Terminal Penerbangan Tambang Rendah (LCCT), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Syarikat penerbangan sekutunya termasuk Thai AirAsia, Philippines AirAsia dan AirAsia Japan, yang masing-masing beroperasi dari Lapangan Terbang Suvarnabhumi (Thailand), Lapangan Terbang Antarabangsa Clark (Filipina) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Narita (Jepun). Pejabat berdaftar AirAsia terletak di Petaling Jaya, Selangor, manakala ibu pejabat utamanya beroperasi dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

CLO 3

Anda dikehendaki mereka bentuk semula **SATU (1) reka bentuk poster** bersaiz A4 dengan orientasi potret. Poster tersebut perlu menampilkan *tagline* ikonik '**Now Everyone Can Fly**' serta mengandungi maklumat yang relevan dan sesuai bagi tujuan mempromosikan syarikat penerbangan AirAsia. Reka bentuk poster yang dihasilkan hendaklah kreatif, menarik, bersesuaian dengan tema serta tidak menyentuh sensitiviti mana-mana syarikat atau jenama produk lain. Proses menghasilkan semula poster ini perlu berpandukan kepada kriteria-kriteria berikut :

- a) Tentukan konsep iklan produk atau perkhidmatan. (C1)
 - i) Nyatakan jenama produk atau perkhidmatan yang digunakan dalam iklan.

(10 markah)

- ii) Nyatakan *tagline* produk atau perkhidmatan yang digunakan dalam iklan.
(10 markah)
- iii) Nyatakan kategori produk atau perkhidmatan yang digunakan dalam iklan.
(10 markah)

- b) Tunjukkan susun atur (*layout* iklan). (C2)
 - i) Tunjukkan lakaran empat (4) *thumbnail*.
(10 markah)
 - ii) Tunjukkan lakaran semi-komprehensif.
(10 markah)
 - iii) Tunjukkan lakaran komprehensif.
(10 markah)

- c) Tunjukkan hasil iklan. (C3)
 - i) Hasil iklan dengan susunan elemen yang kreatif dan memenuhi prinsip rekabentuk menggunakan perisian yang sesuai.
(10 markah)
 - ii) Hasil iklan menepati idea dan konsep yang dipilih.
(10 markah)
 - iii) Hasil cetakan berkualiti dengan menggunakan kertas berkualiti.
(10 markah)
 - iv) Hasil dokumentasi proses kerja yang lengkap dan tersusun.
(10 markah)

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab